

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]
SOALAN :**

YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah skim bantuan rawatan Dialysis yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kos pesakit dan berapakah statistik jumlah pesakit yang mendapat rawatan Dialysis bagi tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2013, jumlah pesakit kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang menerima rawatan dialisis di seluruh negara adalah 30,106 orang. Daripada jumlah ini, 55 % pesakit menerima rawatan di pusat swasta, 25 % di pusat Kerajaan dan 20 % di pusat NGO.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik buat rakyat Negara ini, golongan rakyat miskin dan kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (*End Stage Renal Disease*) diberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Sejak tahun 2001 sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM288.00 juta bagi membantu pesakit miskin dan kurang berkemampuan yang menerima rawatan di pusat-pusat dialisis NGO dengan memberikan subsidi rawatan hemodialisis.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, bantuan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin ini diberikan kepada pesakit buah pinggang yang miskin dan kurang berkemampuan dengan kadar sebanyak RM50 untuk satu rawatan dialisis dan subsidi penuh RM18.50 bagi satu suntikan erythropoietin. Sepanjang tahun 2013 sahaja, seramai 3,160 orang pesakit miskin dan kurang berkemampuan telah menerima manfaat daripada skim ini dengan implikasi kewangan sebanyak RM31.61 juta. Demi menjaga kesejahteraan rakyat Negara ini, KKM akan terus menimbangkan semua permohonan baru untuk mendapatkan bantuan subsidi rawatan dialisis agar matlamat Kerajaan dalam usaha mengurangkan beban kos rawatan yang ditanggung oleh pesakit buah pinggang yang miskin dan kurang berkemampuan dapat dicapai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI
DARIPADA SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah dan apakah tindakan pihak Kementerian berkenaan isu posting (penempatan) guru baharu di Malaysia diselesaikan memandangkan perkara ini sudah menjadi polemik politik yang mana terdapat 1595 calon guru simpanan yang lulus temu duga namun tiada tempat posting sedangkan bilangan pelajar ijazah sarjana muda pendidikan semakin bertambah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejumlah 1,595 orang graduan yang belum ditempatkan telah diperakukan sebagai calon simpanan. Graduan ini layak untuk dilantik tetapi disebabkan tiada kekosongan jawatan bagi opsyen graduan tersebut, maka mereka diletakkan sebagai calon simpanan. Penempatan mereka akan dibuat dari semasa ke semasa bergantung kepada jumlah kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]

SOALAN :-

Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah prosedur bagi memudahkan para belia untuk membeli atau memiliki perumahan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memenuhi permintaan perumahan golongan muda, Kerajaan telah melaksanakan Skim MyHome di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah dilancarkan secara rasmi pada 1 April 2014. Skim ini memberikan insentif RM30,000 kepada pembeli yang layak untuk membeli rumah kos sederhana rendah dan kos sederhana dalam lingkungan yang telah ditetapkan. Insentif RM30,000 tersebut adalah termasuk duit pendahuluan sebanyak 10% daripada harga rumah yang perlu dibayar oleh pembeli apabila mereka menandatangani Perjanjian Jual dan Beli. Ini secara tidak langsung dapat membantu golongan muda membeli rumah *MyHome* kerana mereka tidak perlu mengeluarkan wang pendahuluan mereka sendiri.

Selain itu, Kerajaan telah mewujudkan Skim Rumah Pertamaku di bawah Bajet 2011 yang dikendalikan oleh Cagamas Berhad di bawah seliaan

Kementerian Kewangan. Skim ini adalah untuk membantu golongan muda mendapatkan pembiayaan sehingga 100% daripada institusi-institusi kewangan bagi membeli rumah pertama mereka tanpa perlu membayar 10% wang pendahuluan. Ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Nilai maksimum hartanah dalam skim ini telah dikaji semula dan dinaikkan dari RM220,000 kepada RM400,000, berkuatkuasa 1 Januari 2012.

Semasa pembentangan Bajet 2015 yang lalu, YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan Skim Perumahan Belia yang dilaksanakan secara perkongsian pintar antara Kerajaan, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan juga Cagamas. Skim ini menawarkan pemilikan rumah pertama yang bernilai tidak melebihi RM500 ribu kepada belia berkahwin berumur 25 hingga 40 tahun serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10 ribu. Tempoh pembiayaan maksimum adalah 35 tahun.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014